

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 Julai 2007

SOALAN

YB Senator Puan GK Loga Chitra minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jenis-jenis bantuan yang disediakan untuk golongan wanita di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk golongan wanita termasuk yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah: i) Bantuan kebajikan; ii) Bantuan kaunseling; dan iii) Bantuan bagi membantu wanita membangunkan kapasiti melalui pelaksanaan program pengupayaan. Bantuan untuk golongan miskin termasuk wanita disalurkan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Menerusi skim Bantuan Am, golongan miskin dan daif termasuk wanita diberikan bantuan pada kadar antara RM80 hingga RM350 sebulan. Seramai tujuh ratus tiga (703) orang ibu tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima bantuan ini. Bantuan Geran Pelancaran pula telah diberikan kepada lapan orang ibu tunggal di Kuala Lumpur sebagai bantuan modal bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan berjumlah sembilan belas ribu satu ratus (RM19,100). Tuan Yang di-Pertua, Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga menyediakan bantuan kaunseling dan para kaunseling untuk wanita di seluruh negara menerusi Pejabat-Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Sepanjang tahun 2006, sebanyak satu ribu lima ratus tujuh puluh enam (1,576) orang wanita telah mendapatkan perkhidmatan ini di mana satu ratus dua puluh satu (121) kes aduan adalah daripada wanita di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bantuan juga diberikan melalui pelaksanaan program-program pembangunan wanita dalam pelbagai bidang seperti latihan kemahiran, keusahawanan, motivasi dan sebagainya. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada penyertaan di dalam program-program sedemikian akan menjadi aset penting bagi wanita terbabit selain dapat digunakan untuk menjana pendapatan. Sepanjang tahun 2006, sebanyak dua ratus lima puluh empat (254) program latihan kemahiran dan pembangunan kapasiti wanita telah dijalankan oleh JPW dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Seramai tujuh belas ribu lapan ratus lima (17,805) orang wanita telah mengikuti program-program tersebut dengan peruntukan berjumlah RM2.69 juta. Antara program yang dijalankan adalah kursus jahitan, teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT), keusahawanan, pengurusan emosi dan sebagainya.

